



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Hasilkan jurnal kejuruteraan, bahan bakar rujukan ilmiah

14 pensyarah IPTA tempatan diiktiraf

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 11 SEPT.

KUALITI sistem pendidikan tinggi negara terus menunjukkan kecemerlangan dengan penghasilan jurnal oleh 14 pensyarah universiti awam yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa untuk dijadikan rujukan ilmiah.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kajian yang dilakukan agensi penarafan universiti antarabangsa, Thomson Reuters menunjukkan kemampuan pensyarah negara ini dalam menyumbangkan penulisan yang terbaik dan diiktiraf.

Beliau berkata, kandungan jurnal

yang dihasilkan tersebut meliputi pelbagai bidang kejuruteraan dan tenaga hakar.

"Peningkatan sistem pendidikan tinggi juga boleh diukur dengan peningkatan kapasiti pensyarah, iaitu seramai 537 pensyarah universiti awam berkekeluasan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah daripada 20 universiti terkemuka dunia seperti Universiti Cambridge dan Oxford.

"Ini merupakan perubahan positif yang berlaku dengan ranking universiti turut meningkat seiring dengan taraf akademik di universiti," katanya selepas menutup Konvensyen Pentadbir 2015 anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini malam tadi.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Ir. Zaini Ujang dan

Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Ir. Wahid Omar.

Idris berkata, perubahan positif sistem pendidikan tinggi juga dapat memberi impak besar terhadap masa depan universiti supaya lebih cerah seterusnya menjadi universiti bertaraf global.

Dalam pada itu, beliau turut meminta universiti awam menjadi lebih inovatif dan tidak boleh meletakkan kebergantungan tinggi terhadap dana daripada kerajaan untuk maju.

"Ini merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi pengurusan universiti hari ini. Mereka perlu mempunyai perancangan yang lengkap dan inovatif dalam usaha pengumpulan dana, antaranya menerusi wakaf dan endowment serta menggunakan autonomi universiti secara efektif," katanya.



IDRIS JUSOH (dua dari kiri) menerima cenderamata daripada Dr. Wahid Omar (tiga dari kiri), sambil diperhatikan oleh Zaini Ujang (kiri) dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Konvensyen Pentadbir, Prof. Dr. Adan Abdul Rahman (kanan) selepas Perasmian Penutup Konvensyen Pentadbir 2015 di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIZ HASAN

14 pensyarah UA tempatan diiktiraf
Utusan 12 Sept 2015